

22/08/1999

Kenaikan harga barang jejas pemulihan ekonomi

JELI: Langkah menaikkan harga barangan keperluan pengguna di pasaran hanya akan menjejaskan perkembangan ekonomi negara, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed.

Justeru, katanya, kadar inflasi negara perlu diturunkan ke tahap minimum bagi menyokong segala usaha kerajaan mengeluarkan Malaysia daripada kegawatan ekonomi yang melanda sejak kira-kira dua tahun lalu.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut tidak berpuas hati dengan kenaikan harga barangan keperluan di pasaran berikutan keadaan bekalan yang mencukupi.

"Selain itu, kita juga mempunyai peraturan dari segi kawalan harga, jadi harga barangan keperluan di negara ini tidak seharusnya naik kerana kita dapati prestasi di beberapa negara lain adalah lebih baik.

"Oleh itu, beberapa kementerian sudah diarah mencari punca kenaikan harga supaya kita boleh mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengawal inflasi," katanya kepada pemberita selepas majlis ramah mesra dengan penduduk Kampung Gemang, dekat sini, semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai langkah kerajaan dalam usaha memerangi inflasi secara habis-habisan selaras usaha meringankan beban yang ditanggung rakyat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata keputusan itu dipersetujui dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu dan kerajaan akan berusaha dalam memastikan kadar inflasi berada di paras paling rendah.

(END)